



Ruj. Kami : UMS/PIUMS1.1.3/100-16/3/2  
Tarikh : 23 Oktober 2018

**SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YBhg. Prof./ Dr./ Tuan/ Puan/Encik/Cik

**JEMPUTAN MENYERTAI PERTANDINGAN IHTIFAL DAN MUSABAQAH SEMPENA SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 1440H/2018M, UMS**

Dengan segala hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa **JawatanKuasa Ihtifal dan Musabaqah** akan mengadakan pertandingan Nasyid, Marhaban, Tilawah Al-Quran, Kompang, Azan dan Tulisan Khat sempena sambutan Maulidur Rasul s.a.w peringkat UMS 1440H/2018M.

3. Sehubungan itu, kami menjemput YBhg. Prof./ Dr./ Tuan/ Puan/Encik/ Cik dan seluruh kakitangan dan pelajar di bawah seliaan YBhg. Prof./ Dr./ Tuan/ Puan/Encik/ Cik untuk menyertai pertandingan Ihtifal dan Musabaqah al-Quran peringkat Universiti Malaysia Sabah.

4. Bersama ini disertakan borang penyertaan dan syarat-syarat pertandingan untuk rujukan dan tindakan YBhg. Prof./ Dr./ Tuan/ Puan/Encik/ Cik selanjutnya. Untuk keterangan lanjut sila hubungi pejabat Pusat Islam smbgm **2742** atau h.p : **0105063481 (Encik Yusri Sumin) / 0148660654 (Ustaz Md. Nazrie Petir).**

Perhatian dan kerjasama YBhg. Prof./ Dr./ Tuan/ Puan/Encik/ Cik. dalam perkara ini terlebih dahulu diucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih.

Sekian dan terima kasih.

**"MENYANTUNI UMMAT MEMBAWA BERKAT"**

Yang ikhlas,

**MOHAMMAD FAZRI ABDUL HAMID**

Pegawai Hal Ehwal Islam

Pusat Islam

b/p: Pengarah

sk - Y. Brs. Prof. Madya Dr. Muhamad Suhaimi Taat – Pengarah, Pusat Islam  
- Fail

	<p align="center"><b>BORANG PERTANDINGAN IHTIFAL DAN MUSABAQAH AL-QURAN SEMPENA SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 1440H/2018M PERINGKAT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH</b></p>
<b>NO. BORANG</b>	<b>UMS/PIUMS1.1.3/100-16/3/2</b>
<b>PINDAAN</b>	

Tarikh : \_\_\_\_\_

**URUSETIA PERTANDINGAN**

Pusat Islam UMS,  
Majlis Sambutan Maulidur Rasul 1440H/2018M,  
**(U/p: Encik Yusri Sumin)**

<b>NAMA PEMOHON</b> (NAMA SEPERTI DALAM KAD PENGENALAN)	
<b>JABATAN</b>	
<b>NO. PEKERJA /NO. MATRIK</b>	
<b>NO. KAD PENGENALAN</b>	
<p align="center"><b>Sila nyatakan pertandingan yang ingin diikuti :</b></p>	
<b>1. TILAWAH AL-QURAN</b> Surah: Ayat Ke Berapa:	
<b>2. AZAN</b>	
<b>3. NASYID BERKUMPULAN</b> Tajuk Nasyid : Nama Kumpulan:	
<b>4. MARHABAN</b> Nama Kumpulan:	
<b>5.KOMPANG</b> Nama Kumpulan:	
<b>6.KHAT</b>	
<b>NO. H/P</b>	
<b>NO. EXT</b>	

Saya seperti penama di atas bersetuju untuk mengikuti pertandingan tersebut dan mematuhi semua syarat-syarat pertandingan yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur.

Yang ikhlas,

**Tandatangan :**

**Nama :**  
**Cop :**  
**Tarikh :**

***Sila lengkapkan borang ini dan hantar ke pejabat Pusat Islam UMS atau faks ke 088-320 736***

## SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN MUSABAQAH DAN TILAWAH AL-QURAN

### SYARAT-SYARAT UMUM PERTANDINGAN

1. Penyertaan adalah terbuka kepada kakitangan UMS, pelajar UMS dan orang luar UMS;
2. Peserta hendaklah berpakaian sopan dan menutup aurat;
3. Penganjur berhak menolak atau membatalkan sebarang penyertaan mana-mana peserta yang tidak mematuhi syarat-syarat pertandingan sepanjang pertandingan tersebut berlansung;
4. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang risiko termasuk kemalangan semasa program ini dijalankan;
5. Segala perbelanjaan/kos persiapan adalah ditanggung oleh peserta;
6. Penyertaan adalah percuma;
7. Pihak Urusetia berhak untuk membatalkan atau meminda pertandingan ini jika sekiranya perlu berbuat demikian.

### A - SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN TILAWAH AL-QURAN

1. Pertandingan dibahagikan kepada penyertaan perempuan dan lelaki;
2. Masa perujian adalah **7 minit**;
3. Surah-surah yang hendak dibaca dalam pertandingan adalah bebas.
4. Peserta akan diadili berdasarkan kriteria berikut:-

BIL	BIDANG	MARKAH
1.	Tajwid	40
2.	Fasahah	20
3.	Lagu	25
4.	Suara	15
	<b>JUMLAH</b>	<b>100</b>

### B – SYARAT -SYARAT PERTANDINGAN AZAN

1. Pertandingan azan dinilai berdasarkan kepada kesuaian lagu yang digunakan, kelantangan suara dan sebutan;
2. Keputusan Hakim adalah muktamad
3. Pemarkahan pertandingan azan sama seperti pemarkahan pertandingan tilawah al-quran.

<b>B - SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN TULISAN KHAT</b>
<ol style="list-style-type: none"><li>1. Peserta dikehendaki membawa peralatan sendiri;</li><li>2. Pihak urusetia akan menyediakan kertas dan pensil sahaja;</li><li>3. Keputusan hakim adalah muktamad;</li><li>4. Peserta adalah bebas dalam menentukan kreativiti masing-masing;</li><li>5. Pertandingan adalah bertemakan maulidur rasul.</li></ol>



<b>C - SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN NASYID</b>
<b>SYARAT-SYARAT UMUM PERTANDINGAN</b>
<ol style="list-style-type: none"><li>1. Penyertaan adalah terbuka kepada semua kakitangan, pelajar UMS dan orang luar UMS.</li><li>2. Penyertaan bagi pertandingan berkumpulan boleh bercampur antara lelaki dan perempuan;</li><li>3. Pakaian hendaklah menutup aurat dan mengikut kesesuaian persembahan tetapi tidak melanggar tatasusila dan tidak menjolok mata.</li><li>4. Penganjur berhak menolak atau membatalkan sebarang penyertaan mana-mana peserta yang tidak mematuhi syarat-syarat pertandingan sepanjang pertandingan tersebut berlansung;</li><li>5. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang risiko termasuk kemalangan semasa program ini dijalankan;</li><li>6. Segala perbelanjaan/kos persiapan adalah ditanggung oleh peserta;</li><li>7. Pihak Urusetia berhak untuk membatalkan atau meminda pertandingan ini jika sekiranya perlu berbuat demikian.</li></ol>
<b>SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN NASYID</b>
<ol style="list-style-type: none"><li>1. <b>Irama/ Melodi</b>  Irama Lagu Kontemporari/Tradisional berunsurkan kepada nilai keislaman, erti keimanan, patriotik atau keagamaan.</li></ol>



### 3. Alat Muzik

Alat muzik yang digunakan adalah jenis perkusi, seperti yenkee (Gendang Turki), kompang, bonggo, tamborin, marakas, congga, rebana, shaker dan seumpamanya. Setiap pasukan dibenarkan menggunakan seberapa banyak jenis alat muzik (perkusi). Setiap jenis alat yang dipilih tidak terhad bilangannya. Penggunaan alat muzik elektronik adalah dibenarkan.

### 4. Penyertaan

Kumpulan nasyid hendaklah terdiri daripada tidak kurang dari 2 orang dan tidak melebihi 15 orang peserta lelaki atau perempuan (tidak bercampur dalam satu kumpulan)

### 5. Masa Persembahan

Masa persembahan ialah **8 minit** sahaja. Markah permulaan diambil kira setelah pasukan memulakan nasyid (memulakan lagu). Persembahan yang melebihi masa yang ditetapkan akan dipotong markah.

### 6. Lirik Lagu

6.1 Setiap kumpulan boleh menggunakan lirik lagu dalam Bahasa Melayu, Bahasa Arab, Bahasa Inggeris ataupun Bahasa Etnik Sabah sepenuhnya.

6.2 Sekiranya menggunakan Bahasa Arab, Bahasa Inggeris atau Bahasa Etnik Sabah, terjemahan dalam Bahasa Melayu perlu disediakan. Semua salinan lirik lagu wajib dan pilihan perlu diserahkan kepada urusetia pertandingan sebelum pertandingan dimulakan.

### 7. Lagu

7.1 Setiap pasukan hendaklah mempersembahkan satu (1) lagu

7.2 Lagu berunsurkan Nilai-nilai murni, Keimanan, Patriotik dan Keagamaan

7.3 Lagu dan lirik hasil ciptaan sendiri akan diberikan markah bonus.

### 8. Pemarkahan

8.1 Pemarkahan dibahagikan kepada tujuh bahagian.

BIL	BIDANG	MARKAH
1.	Suara – Kesepaduan, suara solo dan pitch (nada) suara ramai	35
2.	Lagu – irama nasyid kontemporari / tradisonal	20
3.	Persembahan – gaya persembahan, ekspresi, keceriaan (pakaian dan solekan) dan disiplin	35
4.	Bonus – (ciptaan sendiri / kepelbagaian irama / keseragaman lagu & irama)	10
	<b>JUMLAH</b>	<b>100</b>

- 8.2 Persembahan akan diadili oleh tiga orang hakim termasuk ketua hakim.
- 8.3 Jika terdapat persamaan markah maka penentuan pemenang hendaklah dirujuk kepada markah isi lirik yang tertinggi. Jika masih lagi berlaku persamaan hendaklah dirujuk kepada markah “persembahan” dan seterusnya.
- 8.4 Keputusan hakim adalah muktamad.

#### **D - SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN MARHABAN**

1. Setiap kumpulan hendaklah tidak melebihi daripada lapan (8) orang, manakala ahli-ahli kumpulan hendaklah tidak bercampur di antara lelaki dan wanita dan diiringi oleh seorang Pengurus pasukan sahaja.
4. Sesebuah kumpulan dianggap tidak layak menyertai pertandingan ini sekiranya mana-mana ahli kumpulannya terdiri daripada penyanyi profesional. (Penyanyi Profesional ialah individu yang telah membuat album sama ada dalam bentuk piring hitam, kaset atau cakera padat baik secara solo mahupun berkumpulan).
5. Setiap kumpulan diberi masa selama **8 minit** untuk keseluruhan persembahan Marhaban. Persembahan selepas 8 minit tidak akan diambil kira.
6. Loceng pertama akan dibunyikan pada minit ke 4 dan loceng kedua dibunyikan apabila masa tamat.
7. Masa akan dikira bermula dengan bacaan selawat pembuka dan berakhir setelah berakhirnya selawat bacaan penutup.

<b>BIL</b>	<b>BIDANG</b>	<b>MARKAH</b>
1.	Lagu	30
2.	Suara	30
3.	Fasohah	30
4.	Pakaian/persembahan	10
	<b>JUMLAH</b>	<b>100</b>

8. Keputusan hakim adalah muktamad.

#### **E - SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN KOMPANG**

1. Pertandingan ini terbuka kepada semua FSPIU / Mahasiswa / Mahasiswi.
2. Pertandingan ini adalah berbentuk kumpulan yang dianggotai minimum **6 minit** dan maksimum seramai 10 orang.

3. Anggota pasukan boleh terdiri daripada lelaki / perempuan sahaja atau campuran.
4. Semua persembahan hendaklah menggunakan kompong yang disediakan sendiri oleh pasukan masing-masing.
5. Masa persembahan yang diperuntukkan adalah tidak melebihi **6 minit** .
6. Tempoh masa persembahan adalah dikira dari paluan pertama mana-mana kompong dari pasukan tersebut sewaktu berada di dalam gelanggang.
7. Irama adalah bebas.
8. Nyanyian atau Dikir tidak dibenarkan.
9. Sebarang bentuk aksi yang membahayakan seperti aksi akrobatik adalah tidak dibenarkan.
10. Pakaian ahli mestilah bersesuaian dan bersopan.
11. Jika terdapat persamaan jumlah markah antara kumpulan peserta, maka pemenang akan dirujuk kepada jumlah markah tertinggi mengikut susunan pemarkahan yang telah disenaraikan.
12. Bagi perkara-perkara yang tidak dinyatakan di dalam syarat-syarat pertandingan, pihak Jawatankuasa Penganjur Pertandingan berhak untuk membuat keputusan dan setiap keputusan adalah muktamad.

1. Penyertaan hendaklah dihantar melalui faks atau datang sendiri ke alamat :

**Pusat Islam**

**Urusetia Pertandingan**

**Sempena Sambutan Maulidur Rasul 1440H**

**Universiti Malaysia Sabah**

**Jalan Ums, 88400 Kota Kinabalu, Sabah.**

**(U/p: Ustz Yusri Sumin)**

2. Peserta boleh menghubungi talian berikut :

**Tel : 088-320 000 – etx : 2734 / Fax : 088-320736 /**

**H/P: 010 - 5063481 (Ustaz Yusri Sumin)**

**H/P: 014 – 8660654 (Ustaz Md. Nazrie Petir)**

3. Tarikh tutup penyertaan nasyid dan marhaban ialah pada **16 November 2018 (Jumaat)**. **Pertandingan akan diadakan pada 20 November 2018 (Selasa Malam)**
4. Tarikh tutup penyertaan tilawah, azan, kompong dan khat ialah pada **26 November 2018 (Jumaat)**. **Pertandingan bagi tilawah dan azan pada 29 November 2018 (Khamis Pagi)**. **Manakala pertandingan kompong dan khat pada 2 Disember 2018 (Ahad Pagi)**.
5. Yuran penyertaan untuk pertandingan tilawah al-quran, azan, kompong dan khat adalah percuma.

6. Yuran penyertaan untuk Pertandingan nasyid dan marhaban ialah **RM30.00**
7. Sila lengkapkan borang penyertaan.
8. Keputusan panel hakim adalah muktamad.

#### **HADIAH PEMENANG SETIAP KATEGORI**

##### **HADIAH PEMENANG NASYID**

Hadiah Pertama : RM 500.00 beserta sijil  
Hadiah Kedua : RM 300.00 beserta sijil  
Hadiah Ketiga : RM 200.00 beserta sijil  
Sagu Hati : Sijil Penyertaan

##### **HADIAH PEMENANG MARHABAN**

Hadiah Pertama : RM 500.00 beserta sijil  
Hadiah Kedua : RM 300.00 beserta sijil  
Hadiah Ketiga : RM 200.00 beserta sijil  
Sagu Hati : Sijil Penyertaan

##### **HADIAH PEMENANG KOMPANG**

Hadiah Pertama : RM 300.00 beserta sijil  
Hadiah Kedua : RM 200.00 beserta sijil  
Hadiah Ketiga : RM 100.00 beserta sijil  
Sagu Hati : Sijil Penyertaan

##### **HADIAH PEMENANG TILAWAH**

Hadiah Pertama : RM 100.00 beserta sijil  
Hadiah Kedua : RM 70.00 beserta sijil  
Hadiah Ketiga : RM 50.00 beserta sijil  
Sagu Hati: Sijil Penghargaan

##### **HADIAH PEMENANG AZAN**

Hadiah Pertama : RM 100.00 beserta sijil  
Hadiah Kedua : RM 70.00 beserta sijil  
Hadiah Ketiga : RM 50.00 beserta sijil  
Sagu Hati: Sijil Penghargaan

##### **HADIAH PEMENANG KHAT**

Hadiah Pertama : RM 100.00 beserta sijil  
Hadiah Kedua : RM 70.00 beserta sijil  
Hadiah Ketiga : RM 50.00 beserta sijil  
Sagu Hati: Sijil Penghargaan